

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Kakitangan Kolej Komuniti ikuti kursus di selat Melaka
05. Sep 2008
Berita Harian
Joran
217920
2083000

Language
Page No
Article Size
Frequency
Color
AdValue

MALAY
7
425 cm²
Daily
Full Color
7520.23



Kakitangan Kolej Komuniti ikuti kursus di Selat Melaka

Oleh Tamizam Abd Karim

SABAK BERNAM: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan kerjasama Unit Joran Berita Harian, akhir bulan lalu mengadakan satu kursus memancing di laut untuk kakitangan Kolej Komuniti Sabak Bernam, Tanjung Karang, Selangor.

Kursus yang diadakan di Kelong Paradise Waterfront Resort, berhampiran Bagan Nakhoda Omar (BNO) Selat Melaka, dikendalikan oleh seorang pemancing profesional dan kolomis tetap sisipan JORAN, Tamizam Abd Karim yang juga dikenali sebagai Pok Mud dengan dibantu Nordin Abdul Rahman.

Pok Mud juga turut mendekalikan kursus memancing kepada mahasiswa dan tenaga pengajar Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, Selangor.

Menurut penyelaras kursus terabit yang juga pengarah kolej berkenaan, Badarudin Kusni, tujuan kursus adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai teknik memancing di laut.

Kursus ini katanya, julung kali diadakan oleh pihak pengurusan kolej komuniti khusus untuk tenaga pengajar kolej berkenaan bagi memantapkan lagi ilmu memancing sebagai satu daripada subjek rekreasi di kolej terabit.

Kursus itu agak unik katananya, kerana selain teori peserta dapat membuat praktikal secara langsung di kelong berkenaan yang terkenal sebagai salah sebuah resort di tengah laut Selat Melaka.

Kelong Paradise Waterfront Resort turut men-



TEKUN: Peserta sedang membuat latihan mengikat mata pancing.



BERAT: Pensyarah Kolej Komuniti Hulu Selangor, Haslinda Abd Hamid, cuba mengangkat ikan pari yang di pancing oleh peserta kursus.

jadi nadi penggalak industri sukan rekreasi memancing di laut khusus untuk pemancing baru. Kursus yang diadakan selama dua hari satu malam dihadiri seramai 21 peserta kebanyakannya pensyarah kolej komuniti itu sendiri dengan harapan segala ilmu

yang diperolehi dapat dimanfaatkan kepada penuntut lain.

Badarudin berkata, banyak lagi kursus seumpama itu akan dianjurkan bagi memantapkan lagi ilmu rekreasi memancing. Kursus merangkumi geografi kawasan, fenomena cuaca, tiupan

angin, pergerakan arus Selat Melaka, aspek keselamatan, jenis hidupan berbahaya, spesies yang dilindungi dan teknik kendalian betul seperti teknik menyediakan umpan serta latihan mengikat mata pancing dan perambut.

Rata-rata peserta begitu teruja dengan teori amali mengikat mata pancing serta jenis perambut untuk memancing di laut. Hampir 90 peratus peserta adalah pertama kali mengenali dunia memancing.

Menurut seorang peserta, Dr Mohd Suhaimi Mohd Akhir, yang juga Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti, banyak teknik baru dipelajari semasa kursus itu terutama cara iktian pelbagai jenis mata kail yang betul.

"Seronok dapat ilmu baru yang selama ini saya tunggu-tunggu," ujarnya selepas majlis anugerah sijil kepada peserta.